

Kesan firma Jepun tarik diri akan diteliti

Tindakan dijangka beri laluan kepada pesaing dari China

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Kajang: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan meneliti kesan penarikan diri firma Jepun daripada projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura terhadap projek itu.

Susulan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan meneliti laporan sebuah firma Jepun yang membuat keputusan membatalkan rancangan untuk terabit dalam projek HSR Kuala Lumpur-Singapura.

“Saya ada terima laporan itu tadi (semalam), kami akan teliti perkara berkenaan,” katanya selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid al-Hijrah Desa Pingiran Putra, semalam.

Mengikut laporan agensi berita Jepun, *Kyodo News* yang memetik sumber, syarikat negara itu termasuk East Japan Railway Co, berharap menggunakan sistem kereta api peluru Shinkansen Jepun dalam projek berkenaan, tetapi mereka sudah memutuskan ia akan menjadi terlalu berisiko tanpa sokongan kewangan Kerajaan Malaysia.

Perkembangan itu dijangka memberi laluan kepada pesaing perniagaan dari China mengukuhkan lagi jejak mereka dalam pembinaan infrastruktur di Asia Timur selepas menyiapkan kereta api berkelajuan tinggi

pada 2023 di Indonesia dan kini sedang membina satu lagi projek di Thailand.

Sumber itu berkata, pada ketika firma kerajaan Jepun membatalkan rancangan mereka, beberapa syarikat tempatan bercadang bekerjasama dengan syarikat China dan Eropah untuk membuat bidaan.

Pada Julai 2023, MyHSR Corporation Sdn Bhd (MyHSR) melancarkan proses permintaan maklumat (RFI) bagi membolehkan sektor swasta mengemukakan secara rasmi cadangan konsep HSR KL-Singapura melalui model perkongsian awam swasta.

Pelaksanaan proses permintaan maklumat itu juga menandakan inisiatif kerajaan dalam usaha melaksanakan gemula projek HSR KL-Singapura menerusi mekanisme pembiayaan dan model pelaksanaan yang baharu, selain usaha mempertingkatkan infrastruktur pengangkutan rel dan merencanakan ekonomi negara.

Tarikh akhir penyerahan permintaan maklumat projek HSR KL-Singapura itu dilanjutkan sehingga 15 Januari 2024, berbanding tarikh asalnya yang ditetapkan pada 15 November 2023.

Pada 27 Julai 2023, MyHSR Corp mengadakan taklimat proses permintaan maklumat untuk projek HSR yang dikatakan menarik lebih 700 peserta tempatan dan asing.

Malaysia dan Singapura sebelum ini bersetuju membina projek berkenaan membabitkan nilai RM110 bilion sepanjang 350 kilometer yang dijangka memendekkan masa perjalanan antara kedua-dua bandar raya kepada 90 minit.

Namun, pada 1 Januari 2021, kedua-dua negara mengumumkan bersama penamatan projek HSR apabila gagal mencapai persetujuan bagi perubahan dicadangkan Malaysia sebelum perjanjian projek itu luput pada 31 Disember 2020.

Pada Mac 2021, Malaysia mengumumkan ia membayar SG\$102.8 juta kepada Singapura sebagai kos yang ditanggung bagi pembangunan projek HSR dan berkaitan perlanjutan penangguhannya.

Teliti permohonan Najib

Sementara itu, mengulas permohonan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak supaya tindakan diambil untuk menurunkan dan melarang tayangan dokumentari bertajuk *Man On The Run* dalam platform penstriman Netflix, Anwar berkata, kerajaan bersedia mempertimbangkan perkara itu.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib menghantar surat kepada Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC), Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din dan Ketua Pegawai Pengawal Selia MCMC, Datuk Zulkairnain Mohd Yasin, memohon supaya mengambil tindakan dengan menurunkan serta melarang tayangan dokumentari itu di Netflix.

Laporan media menyebut Muhammad Shafee mahu kerajaan menarik penyiaran dokumentari bex'durasi satu jam 38 minit itu di Malaysia kerana berpendapat ia bersifat fitnah, subjudis, prejudis dan berat sebelah terhadap bekas Ahli Parlimen Pekan berkenaan.